

KESEDIAAN KE ARAH MENJADI AKAUNTAN PROFESIONAL: KAJIAN KE ATAS PELAJAR PERAKAUNAN

PREPAREDNESS TOWARDS BECOMING A PROFESSIONAL ACCOUNTANT: A STUDY ON ACCOUNTING STUDENTS

Siti Hafsa Binti Taip

Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Malaysia, (E-mail: hafsa@polikk.edu.my)

Article history

Received date : 20-6-2022
Revised date : 21-6-2022
Accepted date : 5-7-2022
Published date : 14-7-2022

To cite this document:

Taip, S. H. (2022). Kesiediaan Ke Arah Menjadi Akauntan Profesional: Kajian Ke Atas Pelajar Perakaunan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(15), 64 - 70.

Abstrak: Untuk menjadi akauntan bertauliah atau akauntan profesional, seseorang perlu mempunyai sijil profesional. Oleh yang demikian objektif penyelidikan ini adalah untuk menilai tahap kesiediaan pelajar Diploma Perakaunan untuk mendapatkan sijil profesional sebagai persediaan ke arah menjadi akauntan profesional. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk membentangkan analisis deskriptif berkaitan dengan kesiediaan pelajar untuk mendapatkan sijil perakaunan profesional. Sampel kajian ini adalah seramai 262 pelajar perakaunan di Politeknik Kota Kinabalu. Data diperolehi daripada soal selidik dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ramai pelajar bersedia untuk mendapatkan sijil profesional disebabkan pelbagai faktor. Berdasarkan kepada nilai purata min, tahap kesiediaan mereka adalah pada tahap sederhana. Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat memberi gambaran kepada program perakaunan di Politeknik Malaysia dan badan profesional seperti Institut Akauntan Bertauliah untuk merangka strategi untuk mencapai bilangan akauntan yang dikehendaki di negara ini. Di samping itu, agensi kawal selia boleh menggunakan penemuan ini sebagai asas untuk membangunkan dasar yang boleh membimbing pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi agar berada di atas landasan yang betul. Badan profesional juga boleh menggunakan penemuan ini sebagai asas untuk menjadikan profesion perakaunan ini lebih menjadi pilihan.

Kata Kunci: Akauntan Profesional, Diploma Perakaunan, Sijil Profesional

Abstract: A professional certificate is required to become a chartered or professional accountant. This study examines Diploma in Accounting students' readiness to receive a professional certificate in preparation for becoming a professional accountant. The purpose of this study is to give a descriptive examination of students' readiness to achieve a professional accounting certificate using quantitative methodologies. The sample of this study is a total of 262 accounting students at Kota Kinabalu Polytechnic. Data were obtained from a questionnaire using a simple random sampling technique. According to the study's findings, many students are eager to get a professional credential for various reasons. However, their level of preparation was modest, based on the mean values. The results of this research are

expected to provide an overview of accounting programs at the Malaysian Polytechnic and professional bodies such as the Institute of Certified Accountants to formulate strategies to achieve the required number of accountants in the country. Furthermore, regulatory bodies can use these data to design rules to help students at Institutions of Higher Learning stay on track. Professional bodies can also use these insights to make the accounting profession more appealing.

Keywords: *Professional Accountant, Diploma in Accounting, Professional Certificate*

Pengenalan

Menurut Lanson (2010) Malaysia memerlukan 60,000 akauntan menjelang tahun 2020, namun lebih separuh daripadanya masih belum dipenuhi (Mustapha & Hassan, 2012). Terdapat juga kebimbangan mengenai bilangan graduan perakaunan yang gagal melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan kelayakan perakaunan profesional yang lebih tinggi (Malaysia kekurangan akauntan bertauliah, 2009; Lanson, 2010). Tinjauan mendapati bahawa daripada 25,000 akauntan, hanya 600 daripada mereka mempunyai kelayakan profesional (Malaysia kekurangan akauntan bertauliah, 2009). Selain itu juga hanya 30 peratus graduan perakaunan yang benar-benar mengamalkan perakaunan. Keadaan ini mungkin menjejaskan matlamat kerajaan untuk mempunyai sekurang-kurangnya 60,000 akauntan profesional di Malaysia menjelang tahun 2020 (Abdullah, 2001).

Peranan akauntan profesional amat penting dalam sesebuah negara membangun (Baharin, 2019). Di Malaysia, profesion perakaunan dikawal di bawah Akta Akauntan 1967. Walaupun universiti menghasilkan ribuan graduan perakaunan, bilangan akauntan profesional masih kurang (Yusoff et al. (2011). Ini menunjukkan bahawa peluang kerjaya sebagai akauntan bertauliah adalah cerah. Namun begitu untuk menjadi akauntan bertauliah perlu kepada peperiksaan untuk mendapatkan sijil profesional, dan peperiksaan tersebut sukar untuk lulus (Ishola et al., 2018; Nor Effa Dalilati, 2018). Di samping itu juga, Akauntan Awam Bertauliah (CPA) bukan sahaja sukar diperolehi, tetapi juga sukar untuk dikekalkan (Wen et al., 2015). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap kesediaan pelajar Diploma Perakaunan untuk mendapatkan sijil profesional sebagai persediaan ke arah menjadi akauntan profesional. Kajian ini penting untuk merangka strategi dengan badan profesional bagi memudahkan pelajar Politeknik Kota Kinabalu mendapatkan sijil profesional.

Sorotan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh Sreirejeki, Supeno dan Faturokhman (2019) mendapati ramai responden menyatakan bahawa kerjaya sebagai akauntan profesional merupakan kerja yang menarik. Disebabkan itu, ramai penyelidik telah meneliti pelbagai aspek kesediaan pelajar untuk mendapatkan sijil profesional untuk menjadi akauntan bertauliah (Laksmi & Suciati, 2018). Penyelidikan yang dijalankan oleh Jackling dan Calero (2006) untuk menilai hasrat pelajar perakaunan untuk menjadi akauntan profesional, mendapati antara faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar perakaunan di Australia untuk meneruskan kerjaya sebagai akauntan profesional adalah disebabkan peranan pensyarah perakaunan yang membentuk pendapat pelajar tentang kepentingan kerjaya sebagai akauntan profesional, terutamanya bagi pelajar awal pengajian.

Sementara itu, kajian yang dijalankan Sugahara, Hiramatsu, dan Boland (2009) mendapati keinginan pelajar perakaunan di Jepun untuk meneruskan kerjaya sebagai Akauntan Awam Bertauliah (CPA), disebabkan oleh pendidikan dan pengalaman pelajar untuk menjadi CPA. Ini menjelaskan bahawa pelajar yang belajar perakaunan dan mereka yang mempunyai pengalaman bekerja berkaitan perakaunan mempunyai keinginan yang lebih tinggi untuk menjadi akauntan profesional berbanding pelajar yang tidak belajar perakaunan dan tidak mempunyai pengalaman kerja berkaitan perakaunan (Srirejeki et al., 2019). Kajian oleh Mustapha dan Hassan (2012) menunjukkan bahawa kira-kira 70% daripada responden merancang untuk bekerja serta-merta selepas tamat pengajian, dan hanya kira-kira 28% daripada responden yang benar-benar mempunyai niat untuk mengikuti kelayakan profesional. Antara lain, penemuan mendedahkan bahawa keselamatan dan kestabilan pekerjaan, dan peluang untuk kemajuan serta persepsi pelajar terhadap mempengaruhi keputusan pelajar perakaunan untuk mengikuti peperiksaan profesional. Selain itu, kajian oleh Owusu et al. (2018) juga menunjukkan majoriti responden (47.9 peratus) mempunyai keinginan untuk mengikuti kelayakan CPA dan memilih untuk bersama Persatuan Akauntan Bertauliah Bertauliah.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Responden kajian ini adalah seramai 262 pelajar Diploma Politeknik Kota Kinabalu. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, item kajian diadaptasi dari kajian Adnan dan Harun (2017). Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan soal selidik yang diedarkan menggunakan *google form*. Data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min bagi persepsi pelajar. Nilai skor min akan di terjemah kepada nilai tahap seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019) seperti berikut: 1.00– 1.99 (Lemah), 2.00– 2.99 (Rendah), 3.00– 3.99 (Sederhana) dan 4.00– 5.00 (Tinggi).

Jadual 1: Item Kajian (Tujuan Kelayakan Sijil Profesional)

No item	Item Kajian
A1	Kelayakan sijil profesional ini amat dihargai oleh orang ramai.
A2	Akauntan yang memiliki kelayakan profesional lebih dihormati berbanding akauntan yang hanya memiliki ijazah dalam perakaunan.
A3	Gelaran profesional diiktiraf di peringkat antarabangsa.
A4	Kerja sebagai akauntan adalah lebih fleksibel berbanding dengan kerja profesional yang lain.
A5	Kerja sebagai akauntan yang mempunya sijil profesional lebih stabil berbanding dengan kerjaya profesional yang lain.
A6	Sijil profesional menjamin kerjaya sebagai akauntan.
A7	Sijil profesional dalam bidang perakaunan mempunyai peluang yang lebih baik
A8	Sijil profesional akauntan bertauliah akan mempunyai peluang untuk berada dalam kedudukan yang tinggi di sebuah syarikat.
A9	Sijil profesional dalam bidang perakaunan profesional akan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik.
A10	Sijil profesional dalam bidang perakaunan akan menjamin peluang masa depan yang cerah.
A11	Akan meneruskan pengajian dalam bidang kelayakan profesional untuk menjadi akauntan bertauliah selepas tamat pengajian.

A12	Minat kerjaya sebagai akauntan profesional
A13	Kerjaya akauntan bertauliah mempunyai peluang untuk memperoleh gaji yang tinggi.
A14	Dengan sijil profesional tidak sukar untuk mendapat kenaikan pangkat.
A15	Latihan yang diberikan sepanjang pengajian dalam bidang perakaunan menarik minat untuk menjadi akauntan bertauliah.

Hasil Kajian

a) Latar Belakang Demografi

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 262 pelajar Diploma Politeknik Kota Kinabalu. Perincian mengenai latar belakang mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Latar Belakang Demografi Responden

	Item Demografi	n	%
Jantina	Lelaki	75	28.6
	Perempuan	187	71.4
Semester pengajian	1 (sem 1 dan 2)	95	36.3
	2 (sem 3 dan 4)	79	30.2
	3 (sem 5 dan 6)	88	33.6
Sumber kewangan	Bekerja sendiri	11	4.2
	Biasiswa	26	9.9
	Ibu bapa	171	65.3
	Pinjaman pendidikan	54	20.6
Pendapatan ibu bapa	RM1000 - RM4849	217	82.8
	RM10960 dan ke atas	7	2.7
	RM4850 - RM10959	38	14.5
HPNM	1.00 - 2.00	1	0.4
	2.00 - 2.99	9	3.4
	3.00 - 3.33	26	9.9
	3.43 - 3.67	86	32.8
	3.68 - 4.00	96	36.6
	Semester 1 (tiada HPNM)	44	16.8
Kesediaan ke arah menjadi akauntan profesional	Sangat tidak bersedia	2	0.8
	Tidak bersedia	10	3.8
	Tidak pasti	99	37.8
	Bersedia	114	43.5
	Sangat bersedia	37	14.1

Sumber: Analisis SPSS

b) Analisis Tahap Kesiediaan

Jadual 3 menunjukkan tahap kesediaan pelajar Diploma Perakaunan untuk mendapatkan sijil profesional. Item yang memperoleh skor min tertinggi adalah item A7 (skor min = 4.08) iaitu pelajar bersetuju bahawa sijil profesional dalam bidang perakaunan mempunyai peluang yang lebih baik. Diikuti oleh item A9 (skor min = 4.07) iaitu pelajar bersetuju bahawa sijil profesional dalam bidang perakaunan profesional akan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik. Seterusnya adalah A12 (skor min = 4.06) iaitu pelajar bersetuju bahawa mereka bersedia mengambil sijil profesional disebabkan oleh minat kerjaya sebagai akauntan profesional. Secara puratanya (skor min = 3.94), tahap kesediaan mereka adalah pada tahap sederhana.

Jadual 3: Tahap Kesiediaan Pelajar Diploma Perakaunan Untuk Mendapatkan Sijil Profesional

ITEM	Tahap Persetujuan (dalam %)					MIN	TAHAP
	1	2	3	4	5		
A1	1.1	3.8	19.1	44.7	31.3	4.01	Tinggi
A2	2.3	8.8	29.4	38.2	21.4	3.68	Sederhana
A3	1.1	5.0	22.5	41.6	29.8	3.94	Sederhana
A4	1.5	6.9	27.1	40.8	23.7	3.78	Sederhana
A5	1.5	6.1	22.5	45.4	24.4	3.85	Sederhana
A6	1.1	4.2	22.1	43.9	28.6	3.95	Sederhana
A7	1.1	3.1	18.3	42.0	35.5	4.08 ¹	Tinggi
A8	0.8	6.5	21.4	38.9	32.4	3.96	Sederhana
A9	1.1	3.8	14.9	46.9	33.2	4.07 ²	Tinggi
A10	1.1	3.8	21.0	42.7	31.3	3.99	Sederhana
A11	1.1	5.3	19.1	42.7	31.7	3.98	Sederhana
A12	1.1	3.4	17.6	44.3	33.6	4.06 ³	Tinggi
A13	1.5	5.7	19.1	42.0	31.7	3.97	Sederhana
A14	1.9	5.7	34.4	34.0	24.0	3.73	Sederhana
A15	0.8	5.0	17.9	43.5	32.8	4.03	Tinggi
Purata						3.94	Sederhana

Nota: ^{1,2,3}Item yang memperoleh nilai skor min yang tinggi

*Berdasarkan kepada Ngadiman et al. (2019) seperti berikut: 1.00– 1.99 (Lemah), 2.00– 2.99 (Rendah), 3.00– 3.99 (Sederhana) dan 4.00– 5.00 (Tinggi).

Sumber: Analisis SPSS

Kesimpulan

Sijil profesional adalah sangat penting kerana ia menunjukkan kemampuan seseorang untuk menjadi akauntan bertauliah seperti yang diterangkan oleh banyak kajian seperti (Ahmed & Ahmed, 2021). Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar Diploma Perakaunan untuk mengambil sijil profesional akauntan adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa terdapat segelintir pelajar tidak bersedia untuk mendapatkan sijil profesional. Selari dengan pandangan Mustapha dan Hassan (2012), kajian ini juga mencadangkan supaya pendidik dan institusi pengajian khususnya Politeknik mesti memainkan

peranan mereka untuk mempengaruhi secara positif dan memotivasikan pelajar untuk mendapatkan sijil profesional dengan menggalakkan pengambilan peperiksaan yang berkaitan dengan perakaunan profesional. Selain itu pelajar juga tidak sepatutnya ditakut-takutkan dengan kesukaran mengambil peperiksaan sijil profesional yang boleh melemahkan semangat pelajar. Galakan dan sokongan daripada mereka adalah sangat penting bagi memberi maklumat mengenai profesion sebagai akauntan bertauliah yang mungkin berpotensi menarik pelajar untuk menghadapi cabaran yang ada.

Rujukan

- Abdullah, M. (2001). Professional accountant: Malay students' bad perceptions. [Akauntan profesional: Pelajar Melayu bertanggapan lapuk]. Utusan Malaysia. Retrieved on August 10, 2010 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0713&pub=Utusan Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_04.htm
- Adnan, N., & Harun, H. (2017). Tahap kesediaan pelajar Perakaunan ke arah menjadi akauntan bertauliah. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 169-182.
- Ahmed, N. R., & Ahmed, H. R. (2021). The role of the Judicial Accountant in Curbing the Money Laundering Process (Applied research in Rafidain Bank). *Indian Journal of Economics and Business*, 20(4).
- Baharin, N. A. (2019). *Factors influencing accounting students intention to become a professional accountant in Malaysia* (Master's thesis, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2019).
- Ishola, A. A., Adeleye, S. T., & Tanimola, F. A. (2018). Impact of educational, professional qualification and years of experience on accountant job performance. *Journal of Accounting and Financial Management ISSN*, 4(1), 2018.
- Jackling, B., & Calero, C. (2006). Influences on undergraduate students' intentions to become qualified accountants: Evidence from Australia. *Accounting Education: an international journal*, 15(4), 419-438.
- Laksmi, A. C., & Suciati, I. (2018). Factors Influencing the Intention to Obtain Accountant Certifications. *The Indonesian Journal of Accounting Research*, 21(3).
- Lanson, J. (2010). Malaysia needs 60,000 accountants. Utusan Malaysia. Retrieved on Malaysia kekurangan akauntan bertauliah [Malaysia lack of certified accountants] (2009, July 13). Utusan Malaysia. Retrieved on August 10, 2010 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0713&pub=Utusan Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_04.htm
- Mustapha, M., & Hassan, M. H. A. (2012). Accounting Students' Perception on Pursuing Professional Examination. *International Journal of Education*, 4(4), 1.
- Nor Effa Dalilati, Z. (2018). *Hubungan antara kesukaran peperiksaan, pengetahuan perakaunan dan hasrat menjadi akauntan profesional: efikasi sendiri sebagai pengantara* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Owusu, G. M. Y., Obeng, V. A., Ofori, C. G., Kwakye, T. O., & Bekoe, R. A. (2018). What explains student's intentions to pursue a certified professional accountancy qualification?. *Meditari Accountancy Research*.
- Srirejeki, K., Supeno, S., & Faturahman, A. (2019). Understanding the Intentions of Accounting Students to Pursue Career as a Professional Accountant. *Binus Business Review*, 10 (March), 11-19.

- Srirejeki, K., Supeno, S., & Faturokhman, A. (2019). Understanding the intentions of accounting students to pursue career as a professional accountant. *Srirejeki, K., Supeno, S., & Faturahman, A. (2019). Understanding the Intentions of Accounting Students to Pursue Career as a Professional Accountant. Binus Business Review, 10(1), 11-19.*
- Wen, L., Hao, Q., & Bu, D. (2015). Understanding the intentions of accounting students in China to pursue certified public accountant designation. *Accounting Education, 24(4), 341-359.*
- Yusoff, Y., Omar, Z. A., Awang, Y., Yusoff, R., & Jusoff, K. (2011). Does knowledge on professional accounting influence career choice. *World Applied Sciences Journal, 12 (Bolstering Economic Sustainability), 57-60.*